

02 JAN 1997

BN-Jentera

JENTERA BN SEDANG BEKERJA KERAS DI PULAI CHONDONG

MACHANG, 2 Jan (Bernama) -- Jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) sedang bekerja keras dalam kempen memastikan kemenangan calon BN pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Pulau Chondong Isnin ini.

Ketua Penerangan UMNO Kelantan, Datuk Ibrahim Ali berkata mereka sedang berusaha untuk memberi keyakinan kepada pengundi-pengundi supaya memilih calon BN, Yusoff Hamzah.

"Kita yakin rakyat Kelantan di Pulau Chondong akan memberi kemenangan kepada calon BN sebagai hadiah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memimpin negara dengan lebih cemerlang lagi," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan anggota Jabatan Penerangan daerah Machang di sini, hari ini.

Semalam, Dr Mahathir menyarankan supaya semua parti komponen BN bekerjasama membantu berkempen pada pilihan raya itu yang setakat ini tidak banyak disertai semua pihak dalam komponen itu.

Pilihan raya itu diadakan berikutan kematian Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan itu, Kapten (B) Mohd Nor Ahmad 4 Dis lepas. Calon BN Yusoff Hamzah ditentang satu lawan satu calon PAS, Zulkefli Mamat.

Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Aziz Shamsuddin, yang berada di Pulau Chondong sejak 25 Dis, berkata kempen-kempen yang dijalankan oleh jentera BN semakin bertambah baik.

Ibrahim berkata, Pas menggunakan taktik tipu helah yang cukup teliti dengan menggunakan strategi bahawa mereka menjalankan kempen yang bersih iaitu tidak menurunkan pemimpin-pemimpin yang digelar ayam sabung untuk menjaga keharmonian pada pilihan raya ini.

Beliau berkata, mereka bimbang sekiranya menyerang BN melalui ceramah-ceramahnya, UMNO akan menyerang mereka balik dengan mendedahkan isu-isu yang sukar untuk mereka lindungi.

"Kita kini sedang memerhati tindakan kempen Pas secara halus itu termasuk menawarkan RM10 dan surah yasin kepada penduduk Pulau Chondong supaya memberi kemenangan kepada calonnya."

-- BERNAMA

BD AHH